

26/10/1998

Guna sumber secara berkesan

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

LANGKAWI, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, dalam kegawatan ekonomi yang melanda negara, semua pihak perlu menggunakan aset dan sumber sedia ada secara lebih berkesan bagi mengurangkan import.

Perdana Menteri berkata, antara yang perlu diberi perhatian ialah program kajian dan pembangunan untuk meningkatkan kemampuan dalam semua bidang, khususnya pengeluaran makanan.

Menurutnya, makanan yang menjadi barangan import terbesar negara perlu dikurangkan ketika negara kekurangan wang dan salah satu cara ialah meningkatkan hasil pertanian, termasuk beras.

"Antara cara dapat membantu memulihkan ekonomi ialah mengurangkan kos import dan sekali gus dapat menyelamatkan tukaran mata wang asing.

"Pendekatan yang sepatut digunakan ialah menggunakan aset serta sumber sedia ada secara lebih berkesan," katanya ketika melancarkan produk perangsang organik terulung Malaysia bagi menambah daya pengeluaran tanaman, di Muzium Padi, di sini hari ini.

Produk perangsang organik atau baja jenama Terus Maju itu dikeluarkan oleh Invigorant Maju Sdn Bhd, iaitu anak syarikat Kumpulan Maju Sdn Bhd.

Antara kelebihan Terus Maju ialah mencergaskan semua jenis tanaman mempercepat pertumbuhan dan kematangan, meningkatkan hasil, menghindar penyakit serta mengurangkan kos pengeluaran sehingga 10 hingga 25 peratus.

Hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid dan Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud.

Turut sama, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Ketua Eksekutif Kumpulan Maju, Datuk Abu Sahid Mohamed.

Mengenai perangsang organik itu, Dr Mahathir berkata jika terbukti mampu meningkatkan pengeluaran, kerajaan bersedia untuk menggunakannya secara besar-besaran bagi meningkatkan hasil pengeluaran.

"Jika benar ia mampu menambah 35 peratus pengeluaran, negara akan menjadi lebih kaya sebanyak 35 peratus dalam bidang pengeluaran makanan," katanya.

Perdana Menteri yang meninjau projek ujian tanaman padi oleh Kumpulan Padi, di sekitar Muzium Padi, mendapati pokok padi yang menggunakan bahan itu lebih baik daripada yang lain.

Sulaiman pula berkata, Kementerian Pertanian akan membuat kajian mengenai keberkesanan bahan itu dan akan mengambil langkah susulan bagi meningkatkan pengeluaran makanan.

Terdahulu, Dr Mahathir melawat tapak projek Langkawi Lagoon yang dilaksanakan oleh Emkay Holdings Sdn Bhd (Emkay), di Kuala Muda. Beliau diberi taklimat oleh Pengerusi Eksekutif Emkay, Datuk Mustapha Kamal Abu Bakar.

(END)